



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 11 SEPTEMBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	SAWAH SELANGOR BERPOTENSI KERANA TERATUR, SISTEMATIK, DLM NEGERI, UM-10 PERKEMAS DAHULU SISTEM PENGAIRAN, DLM NEGERI, UM-10 CHAN: GOVT WILL ENSURE SUFFICIENT OF WHITE RICE SUPPLY IN MARKET, NATION, KWONG WAH YIT POH-A4A LOCAL PRODUCED RICE IS OUT OF STOCK, NATION, KWONG WAH YIT POH-A1, A4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
5. 6.	LKIM PERKENAL PROJEK SATU PERSATUAN, SATU PRODUK, NASIONAL, BH-8 TEROKA LOKASI LAIN TANAM PADI RANGSANG INDUSTRI MAKANAN, RENCANA, BH-12	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	NASI BUNGKUS DI KELANTAN NAIK HARGA, NASIONAL, SH-26 NASI PUTIH MUNGKIN NAIK HARGA KEPADA RM3 SEBUNGKUS, NASIONAL, SH-26 PENIAGA RESTORAN DI KEDAH TURUT TERKESAN KENAIKAN HARGA BERAS, NASIONAL, SH-26 NEGERI SEMBILAN MAHU BINA KILANG PROSES BERAS, NASIONAL, BH-18 NS PERLU KILANG BERAS SENDIRI, NEGARA, KOSMO-4 LEMBU DALAM HIDUP RAKYAT, CETUSAN, SH-23 FOOD SECURITY REQUIRES NATIONAL LEADERSHIP, VIEWS, THE STAR-13 RICE MILLS PLAN FOR NEGERI SEMBILAN, NEWS, THE SUN-3 GOVT URGED TO ASSIST BIRD NEST ASSOCIATION FOR FURTHER DEVELOPMENT, NEWS, CHINA PRESS-C3 BIRD NEST EXPORT VOLUME UP 75 PER CENT IN 5 YEARS, KL/SELANGOR, NANYANG SIANG PAU-A5	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10



GILIRAN PENANAMAN DAN PENUAIAN PADI SELANGOR

KAWASAN	MUSIM PERTAMA		MUSIM KEDUA	
	TANAM	TUAI	TANAM	TUAI
Tanjong Karang Sawah Sempadan Sungai Burong	Januari	April	Julai	Oktober
Sekinchang Sungai Leman	Februari	Mei	Ogos	November
Pasir Panjang Sungai Nipah	Mac	Jun	September	Disember
Sungai Besar Panchang Bedena Bagan Terap Sungai Panjang	April	Julai	Oktober	Januari

Sawah Selangor berpotensi kerana teratur, sistematik

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@medianullia.com.my

SABAK BERNAM: Pengeluaran padi di Selangor mencapai tahap tertinggi bagi setiap hektar iaitu sekitar enam hingga 10 tan metrik sehektar berbanding negeri lain berikutan mempunyai sawah yang teratur dan bersistematik.

Menurut seorang pengusaha tanaman ruji itu di Sungai Besar, Mokhtar Talha, 59, kesemua pesawah di kawasan Barat Laut Selangor mematuhi sistem penanaman padi sejak 1960-an lagi apabila kaedah dua musim diperkenalkan.

"Memang diakui teratur dan ada disiplinnya yang semua pesawah kena patuhi. Sebagai contoh, masa ditetapkan untuk tanam padi mengikut kawasan yang dipecahkan kepada empat bahagian iaitu di Tanjong Karang, Sekinchang, Pasir Panjang dan Sungai Besar.

"Setiap pesawah perlu mematuhi peraturan yang dibuat berdasarkan sistem giliran pengairan bermula dari Tanjong Karang hinggalah ke Sungai Besar melalui sumber air dari Sungai Tenggi memasuki saluran dipanggil sebagai, 'palong'," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia.

Mokhtar berkata, palong adalah satu-satunya sistem pengairan dalam negara ini yang terdapat di Selangor.

Ini kerana ia dibina lebih 50

Memang diakui teratur dan ada disiplinnya yang semua pesawah kena patuhi. Sebagai contoh, masa ditetapkan untuk tanam padi mengikut kawasan."

tahun dahulu dengan menggunakan konkrit dan kedudukannya lebih tinggi di atas tanah.

"Palong terdapat di setiap blok-blok kawasan sawah padi di negeri ini yang akan membekalkan air ke dalam sawah padi apabila tiba musimnya. Tujuan penggunaan palong adalah mengawal sumber air dan memastikan keseluruhan bekalannya sentiasa mencukupi.

"Pengaliran air akan bermula di Tanjong Karang kerana kawasan tersebut adalah yang pertama sekali akan menanam padi, ketika pesawah di sana mula menanam padi, di Sungai Besar pula kami sedang menuai, maka palong di sini kering, tak ada air kerana disalurkan di sana, begitu juga sebaliknya," jelasnya.

Berdasarkan maklumat menerusi laman Kawasan Pem-

angunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor, sistem saliran terkawal itu dibina oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang dahulu dikenali sebagai Jabatan Parit dan Taliair (JPT) pada 1932.

Kemudian pembangunan saluran air di sana diteruskan pada 1948 oleh jabatan sama termasuk pembinaan Ibu Empangan Sungai Bernam.

Pembangunannya kemudian diteruskan lagi dan pada 1962, tanaman padi dua kali setahun diperkenalkan dan pada masa sama rumah pam di Bagan Terap dibina bagi memenuhi keperluan air.

Dalam pada itu, seorang lagi pesawah, Rahmat Basri, 56, memberitahu, selain sistem giliran pengairan menerusi palong, sawah-sawah di Selangor turut melalui proses penuaian menggunakan jentera berturutan.

"Itu mungkin langkah yang jimat dan mengurangkan kos pembelian jentera. Maksudnya tak perlu ada jentera mesin penuai yang banyak, apabila melalui giliran, kawasan mana perlu dituai akan menggunakannya terlebih dahulu.

"Sungai Besar adalah kawasan yang terakhir, jadi selepas tempoh lain selesai menuai, pesawah di sini pula akan mendapatkan khidmat jentera daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk menuai dan mengangkut padi serta jerami," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Perkemas dahulu sistem pengairan

ARAU: Masalah infrastruktur khususnya berkaitan sistem pengairan perlu diperkemas terlebih dahulu sebelum usaha ke arah penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun dilaksanakan di negeri ini.

Meskipun kaedah tersebut dilihat mampu meningkatkan produktiviti penanaman padi selain mampu meningkatkan hasil beras negara sekali gus mengurangkan kebergantungan import beras, beberapa aspek asas itu perlu diselesaikan terlebih dahulu khususnya di kebanyakan kawasan negeri ini.

Hal demikian kerana masalah sistem pengairan di kebanyakan kawasan penanaman padi di negeri ini masih dalam keadaan tidak teratur sekali gus menyukarkan para pesawah dalam mengikut jadual penanaman dengan sebaik-sebaiknya selain berdepan masalah atau kesan apabila musim menuai.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, jika sistem pengairan baik tanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun itu boleh dilaksanakan.

Dalam masa sama, katanya, hasil kebanyakan pesawah pula hanya sekitar empat ke tujuh tan metrik perhektar itu pun sangat-sangat sukar untuk diperolehi.

"Kalau hendak laksanakan juga (penanaman padi lima kali dua tahun) soal infrastruktur kena eloklah. Ini peruntukkan untuk bersihkan parit atau sungai yang menyalurkan air keluar masuk daripada sawah

juga semakin berkurangan daripada empat kepada dua kali setahun.

"Pelaksanaan penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun memerlukan persediaan rapi khususnya dalam aspek sistem pengairan yang kemas, penglibatan pesawah serta kajian berkaitan tanah supaya tidak menimbulkan masalah kelak," katanya.

Kelmarin *Mingguan Malaysia* melaporkan, ketika dunia berdepan kenaikan harga beras tertinggi dalam tempoh 15 tahun, rakyat boleh menarik nafas lega apabila usaha kerajaan meningkatkan pengeluaran padi melalui sistem penanaman lima kali dalam tempoh dua tahun membuahkan hasil.

Projek perintis yang dilaksanakan di Perlis dan Kedah bukan sahaja berjaya menambak pusingan penanaman padi tetapi juga dapat meningkatkan hasil bagi setiap hektar daripada sekitar empat hingga lima tan sehektar sebelum ini kepada kira-kira 10 tan sehektar.

Sebagai rekod, keluasan kawasan tanaman padi di seluruh negeri ini ialah 29,200.72 hektar membabitkan 19,034.53 di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan 10,166.16 hektar di luar kawasan MADA dengan keseluruhan pesawah 17,930 orang.


Sementara itu, seorang pesawah, Mohd Noor Hashim, 60, berkata, penanaman padi banyak bergantung kepada sistem pengairan yang baik.

Katanya, pada masa ini, penanaman padi setahun dua kali juga agak sukar apatah lagi lima kali dalam tempoh dua tahun.



BEBERAPA pesawah melihat hasil padi dipindahkan daripada mesin ke lori sebelum dibawa ke pusat jualan padi di Kampung Alor Redis, Arau, Perlis semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Headline	Chan : Govt will ensure sufficient of white rice supply in market		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	11 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	308 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,453
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,359



陈泓缜：虽无法满足价格要求 保证进口白米供应足

(吉隆坡10日讯) 圣婴 (El Nino) 现象导致稻米歉收，进口白米价格不断攀升，民众改买价格受到控制的本地白米，进而导致本地白米供不应求。

农业及粮食安全部副部长陈泓缜披露，由于受到圣婴现象影响，全球稻米产量减少，进口白米价格也随之飙升。

他说，我国的白米售价是采“双轨制”，即本地白米价格受政府控制，每公斤2令吉60仙；至于进口白米价格则随国际市场自由浮动。

“其实，国际白米价格从去年起便不断涨价，去年8月白米每吨售430亿美元（约2015亿令吉），今年8月份却飙涨至593亿美元（2773亿令吉）。”

“国家稻米公司（BERNAS）已多次要求，调高进口白米价格，因为白米一再上涨已经令该公司吃不消。”

不过，他表示，虽然政府无法满足消费者对于进口白米的价格要求，但是却能够保证市场的进口白米供应量充足。

陈泓缜今日（10日）是在接受国营电视台（RTM）节目《你怎么说》访谈时，针对进口白米价格调涨，做出说明。

他强调，农粮部已采取数项举措，来解决本地白米短缺问题，包括推出本地白米特别计划，通过提高本地白米产量

来应对高需求。

他也提及，我国自行生产的白米零售价是东盟国家中最低，而邻国新加坡的白米零售价每公斤8令吉52仙，居东盟之首。

“即使自给自足的泰国，当地白米零售价定在每公斤2令吉70仙，仍比我国贵10仙。”

询及我国会否调高本地白米零售价，陈泓缜回应，除非我国修订《1994年稻米和白米管制法令》，否则本地白米价格将维持在每公斤2令吉60仙。

另一方面，陈泓缜也向国人大派定心丸，指国家稻米公司的白米库存足够应付我国5个月的需求。

“我国成年人每年平均吃大约80公斤白米，而国家稻米公司的白米库存维持在约25万吨，至于市场上销售的白米则维持在大约100万吨。”

“因此，整个白米的库存量能够应付马来西亚5个月的白米需求。”

他也呼吁民众，能够通过拨打热线电话03-88701751/1748/1183，向当局投报本地白米供应短缺。#



PH MENANG DENGAN 48,283 UNDI • DEWAN NEGERI SIMPANG JERAM : PH MENANG

陈泓缜呼吁民众，拨打热线电话03-88701751/1748/1183，向当局投报本地白米供应短缺。

适耕庄耕种模式增产量 白米自给自足能够实现

白米自给自足不是梦，惟需采“适耕庄耕种模式”。陈泓缜指出，其实在70至80年代，我国的白米自给自足率达到80%，惟90年代政府侧重工业与轻农业政策，促使白米自给自足率不断下滑。

他说，目前我国的白米自给自足率为65%，意味着35%须依赖进口白米。

不过，他分享雪兰莪州适耕庄的稻米耕种模式，却能够增加稻米产量。

“适耕庄耕种模式的秘诀在于‘勤劳’耕

种，改善稻农的工作文化，进而提高产量。”

陈泓缜指出，政府已在玻璃市展开“适耕庄耕种模式”试点项目，不仅成功增加了播种次数，甚至每公顷稻田的产量从4至5吨提高至约10吨。

“这证明天下无难事，只怕有心人。这项试点项目已经证明，我国的白米能够实现自给自足。”#

日本进口活鱼仅限观赏鱼 可安心食用本地水产海鲜

农粮部促公众安心食用本地市场销售的水产海鲜，而日本进口至我国的活鱼仅限观赏鱼类。

日本福岛核污水排海引关注，

惟陈泓缜强调，政府多个部门把关，确保国人食用的水产海鲜安全无虞。

他说，科学、工艺及革新部负责监测我国海域的辐射值，卫生部负责抽查进口至我国已处理的水产海鲜类，而农粮部则负责活海鲜鱼类的进口事宜。

“卫生部也严格把关所有从日本进口至我国的冷冻海鲜鱼类，至于农粮部则负责活鱼部分。”

“我必须强调，我国从日本进口的活鱼只有一类，那就是观赏鱼。”

陈泓缜表示，他理解民众对日本海鲜存在安全疑虑，但其实东南亚国家采取的措施大多一致，即不会贸然下达禁令，只会采取严格把关。#

Headline	Local produced rice is out of stock		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	11 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A1,A4	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	686 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,692
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,076



Beras Super Tempatan (10%)
Super Tempatan Rice (10%)

报道 摄影 陈丽玉/曾国权

限购措施无济于事

本地米

无货可卖

“本地白米货架已经空了一段
时间，以前每周来货有几百包，现在只有三五十包，没一下子就售罄。”
——超市销售员

进口白米货源充足

◆ A4版

Headline	Local produced rice is out of stock		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	11 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A1,A4	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	686 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,692
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,076

报道 陈耀土 曾国权

【檳城 10 日讯】本地白米限购措施无用武之地，超市及霸级市场无货可卖！

为解决本地米荒，农业和粮食安全部在本周四（7日）起，规定每人限购100公斤本地白米，但本报记者周日走访数家超市及霸级市场，发现本地白米货架都空空如也。

一补货即扫空

根据记者向超市销售员了解，本地白米短缺，来货量很少，每次一到货就被扫空。

销售员说，本地白米货架已经空了一段时间，即使每周会补货，但每次只有三五十包，没一下子就被售罄。

“以前每周来货有几百包的，现在只有三五十包。”

销售员也说，本地白米缺货下，消费者唯有购买进口白米，较便宜的 10 公斤进口白米售价三四十令吉，接下来听说还要再涨一令吉。

消费者转购其他牌子

本地白米严重短缺，进口白米又涨价！一些消费者为省钱而转购其他牌子较为便宜的进口白米。

消费者陈小姐受访时说，她家一直都是购买进口白米的，但现在进口白米价格一张再涨，她

只好转购其他牌子的白米，放弃贵价白米。

夫妇选购精打细算

另一对消费者夫妇阿里斯与太太依莎，平时有购买本地白米和进口白米。

阿里斯说，之前每包 10 公斤装本地白米，价格约 26 至 27 令吉，现在要买也买不到。

他说，买不到本地白米只好买进口白米，但现在进口的印度天然白米（Basmati）也越来越贵。

“我们平时购买的牌子，不到一个月时间，已经从一包 40 令吉涨至逾 50 令吉。”

所以他和太太现在选购白米也用多点时间，因为要对比价格，精打细算。

超市霸市无本地白米卖



DERAS PUTIH TERPILITAN TERHAD 100KG SEKELUARGA DALAM SEMASA BERAS IMPORT & BERAS WANGI TIDAK TERHAD

梁景辉：本地白米短缺已有两个月之久，政府有必要正税并解决问题。

梁景辉：本地白米短缺已有两个月之久，政府有必要正税并解决问题。

阿里斯与太太依莎说，现在购买白米要多对比价格，必须精打细算。

本地白米限购措施无用武之地，超市及霸级市场无货可卖。

杂货商也买不到货 梁景辉：政府须有长远之计

“如”今本地白米短缺供不应求，杂货商也买不到货！” 檳城杂货行主席梁景辉说，本地白米短缺已有两个月之久，政府有必要正税并解决问题。

虽然相信白米短缺问题只是暂时性，但白米是人民的主要粮食，每天都要吃饭，政府有必要正税，以免引起恐慌。

“政府也必须以这次米荒引以为鉴，必须有长远之计提高国家白米产量，以确保达到足以自给自足的水平。”

他举例，政府必须正税农业地越来越少的情况，并停止将农业地转为工业地。

双溪麻蓬花霸级市场的本地白米货架，空空如也。



进口白米，由进口米商供应，消费者唯有购买本地白米，由进口米商供应，消费者唯有购买

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	8

LKIM perkenal projek satu persatuan, satu produk

Pelabuhan Klang: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memperkenalkan projek satu persatuan nelayan, satu produk sebagai usaha meningkatkan ekonomi dan membasmi kemiskinan dalam kalangan nelayan di negara ini.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil, berkata inisiatif itu juga dilihat mampu meningkatkan taraf dan kualiti hidup golongan nelayan yang kebanyakannya daripada kelompok B40.

“Hal ini kerana ramai dalam kalangan mereka (nelayan) tidak membabitkan diri dalam industri hiliran, bermaksud mereka tidak mengubah hasil tangkapan mereka itu untuk menajana pendapatan.

“Terdapat 113 persatuan nelayan di dalam negara, jadi saya merancang untuk mewajibkan setiap persatuan ini mempunyai produk dan aktiviti hiliran berasaskan perikanan masing-masing supaya lebih banyak hasil dapat dijana,” katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan Majlis Rahmah Mesra MADANI bersama nelayan Orang Asli Pulau Indah, di sini, semalam.

Muhammad Faiz berkata, inisiatif itu juga mampu membantu kerajaan dalam memastikan bekalan produk berasaskan ikan di pasaran sentiasa mencukupi.

BERNAMA

Teroka lokasi lain tanam padi rangsang industri makanan

- Statistik import makanan dan beras menggambarkan Malaysia terlalu bergantung kepada hasil pertanian dari negara luar untuk menjamin bekalan makanan mencukupi kepada rakyat.

- Kedudukan Malaysia dalam Indeks Keselamatan Makanan Global (GFSI) akan merosot sekiranya tiada sebarang usaha untuk meningkatkan lokasi atau kawasan penanaman beras negara.



Penganalisis
Penyelidikan,
Institut Masa Depan
Malaysia (MASA)

Oleh Mohd Noor Musa
bhrencana@bh.com.my

Industri makanan adalah sektor penting dalam sebuah negara kerana keterse-
dian makanan mencukupi dan stabil men-
jadi indikator bagi sebuah negara mampu
menjamin kualiti hidup masyarakatnya.

Ketiadaan bekalan makanan stabil
mahupun ketidakmampuan memperoleh
makanan yang baik akan memberi impak
negatif terhadap kehidupan rakyat. Ia dapat
dilihat apabila berlaku ketiriran bekalan
beras ketika ini.

Dirantau Asia Tenggara, isu keterja-
minan makanan sering berlaku berpunca
akibat kurang bekalan dari negara anggota ASEAN
dalam sektor pertanian.

Indeks Keselamatan Makanan Global 2022 (GFSI
2022) menunjukkan empat negara ASEAN - Singa-
pura, Malaysia, Vietnam dan Indonesia berada pada
kedudukan 10 teratas bagi negara mempunyai tahap
keselamatan makanan tertinggi.

Persoalannya, bagaimana Malaysia harus ber-
tindak untuk mengatasi krisis makanan dengan
mempertingkatkan sektor agromakanan tempa-
tan.

Krisis bekalan makanan melanda dunia menun-
jukkan sudah tiba masa isu ini diberi perhatian
serius pihak bertanggungjawab bagi menjamin
setiap rakyat mempunyai akses kepada makanan
mencukupi pada harga berpatutan, pada bila-bila
masa demi menjamin kehidupan sejahtera.

Nilai import makanan negara menunjukkan
trend peningkatan sejak 2013 hingga 2022. Mengikut
laporan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan
Makanan, import makanan negara mencatatkan
sebanyak RM75.54 bilion pada tahun lalu, berbanding
RM38.8 bilion pada 2013.

Angka ini menunjukkan peningkatan sangat
ketara iaitu sebanyak 94.69 peratus. Sekiranya trend
ini berterusan, tidak mustahil menjelang 2025, nilai
import makanan negara boleh mencecah sehingga
RM100 bilion. Ini jauh daripada sasaran digariskan
dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN
2.0).

Berdasarkan Perangkaan Perdagangan Luar
Negeri Bulanan April 2023 dikeluarkan Jabatan
Perangkaan pula, nilai import beras meningkat
kepada RM334 juta atau 147,906 tan pada April lalu
berbanding RM214 juta atau 89,082 tan pada Mac
lalu.

Statistik ini jelas menunjukkan kebergantu-
ngan Malaysia terhadap bekalan beras import bagi
menampung permintaan rakyat semakin tinggi.
Data di atas sejajar dengan dapatan kajian Kha-
zanah Research Institute (KRI) bahawa Malaysia
berada pada 65 peratus Tahap Sara Diri (SSL) beras,
manakala di Sabah dan Sarawak pula, di bawah 60
peratus.

SSL adalah komponen utama sekuriti maku-
nan berfungsi sebagai petunjuk untuk mengukur
kemampuan sebuah negara memenuhi keperluan
makanan daripada pengeluaran domestiknya.

Semakin besar SSL bagi komoditi makanan
tertentu, semakin kurang kebergantungan
terhadap import antarabangsa dan dapat mengu-

rangkan impak kejadian buruk daripada pasaran
antarabangsa.

Statistik import makanan dan beras di atas
mengambarkan Malaysia terlalu bergantung kepa-
da hasil pertanian dari negara luar untuk menjamin
bekalan makanan mencukupi kepada rakyat.

Agak menyedihkan apabila status Malaysia
sebagai negara pertanian sebelum ini semakin dihu-
pakan. Sektor pertanian negara dilaporkan hanya
menyumbang 7.4 peratus secara purata terhadap
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sejak 2015
hingga 2022.

Natijahnya, kedudukan Malaysia dalam GFSI
akan merosot sekiranya tiada sebarang usaha
untuk meningkatkan lokasi atau kawasan penana-
man beras negara.

Dalam kalangan negara Asia Pasifik, Malay-
sia berada pada kedudukan kelapan di belakang
Jepun, New Zealand, Australia, China, Singapura,
Kazakhstan dan Korea Selatan.

Walaupun Malaysia mengatasi negara jiran da-
lam senarai kedudukan GFSI pada 2022, kedudukan
Malaysia jatuh dari tangga 39 ke tangga 41 daripada
113 negara di dunia.

Menyadari pentingnya Malaysia mengurangkan
kebergantungan terhadap import makanan, lang-
kah strategik perlu dilaksanakan bagi meningkat-
kan pengeluaran makanan terutama beras.

DAN 2.0 yang menyasarkan pengeluar-
an sehingga 5.3 tan sehektar, akan memenuhi sasaran
mencapai tahap SSL 60 peratus menjelang 2030
menerusi lima strategi.

Sebanyak RM218.1 juta diperuntukkan untuk
Pembangunan Industri Padi dalam Belanjawan
2023, bertujuan menyokong matlamat DAN 2.0 teru-
tama pengeluaran subsektor padi dan beras.

Manfaat varieti beras tempatan

Bagi pengurusan penggunaan tanah dan air lebih
baik, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM69
juta dalam Belanjawan 2023 bagi Pemodenan Sistem
Pengairan Padi.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras di
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Maku-
nan, Datuk Azman Mahmood, berpandangan nega-
ra sepatutnya meneroka cara untuk menyimpan air
bawah tanah bagi mengatasi masalah kekurangan
air yang mempengaruhi hasil padi.

Air daripada banjir dan lebihan boleh disimpan
dalam simpanan bawah tanah seperti dilakukan di

Jepun sebagai langkah simpanan bekalan air untuk
pengairan sawah.

Sementara itu, pembangunan industri padi nega-
ra juga perlu memanfaatkan varieti beras tempatan.
Antara cadangan memanfaatkan potensi varieti
beras istimewa tempatan adalah pihak berwajib
meneroka penanaman padi di lokasi lain di Malay-
sia dengan jenis benih sesuai mengikut keadaan
tempat serta menghasilkan benih padi berkualiti
kalis cuaca seperti banjir dan kemarau.

Usaha ini perlu dilaksanakan melalui aktiviti
penyelidikan dan pembangunan (R&D) oleh agensi
penyelidikan di bawah kementerian yang berkaitan.

Sebagai contoh, terdapat kawasan di Sabah dan
Sarawak sesuai untuk penanaman padi dengan
lebih 500 padi unik terdiri daripada pelbagai ciri
seperti rasa, warna dan tekstur. Jenis beras unik
ini boleh merangsang daya saing industri padi dan
beras Malaysia di pasaran tempatan mahupun luar
negara.

Walaupun hasil padi di Sabah dan Sarawak hanya
menyumbang jumlah kecil, namun negeri berke-
naan berpotensi mengembangkan industri padi
negara melalui penanaman 500 jenis padi unik.

Selain meningkatkan pengeluaran beras meng-
gunakan pelbagai struktur tanah panah moden,
Sabah dan Sarawak mempunyai potensi meneburi
segmen beras premium dan artisanal sekiranya
kepelbagaian tanaman tradisional dan turun-temu-
run dimanfaatkan sepenuhnya untuk dikomersial-
kan ke pasaran domestik serta antarabangsa.

Ini bersesuaian dengan Strategi Subsektor Padi
dan Beras, 2021-2030 iaitu Memanfaatkan Potensi
Varieti Beras Istimewa Tempatan di samping
bertujuan menyumbang kepada peningkatan SSL
Malaysia.

Peningkatan produktiviti padi domestik yang
berkualiti secara berterusan adalah salah satu
langkah waspada untuk menjamin makanan rui
terutama berlaku kes kecemasan jangka pendek
apabila pengeluaran padi tempatan terjejas.

Tidak mustahil, keberhasilan padi di Seme-
nanjung, Sabah serta Sarawak mampu mening-
katkan peratusan SSL beras sehingga 100 peratus
dan mengurangkan kebergantungan import dalam
sektor beras negara.

Melalui DAN 2.0, Malaysia bukan sahaja mampu
meningkatkan SSL dan hasil pengeluaran padi,
bahkan berupaya menjadi negara pengeksport hasil
pertanian dan makanan ke luar negara.



Nasi bungkus di Kelantan naik harga

Ekoran kenaikan harga beras import dan barang mentah lain

Oleh HAZELN LIANA KAMARUDIN
KOTA BHARU

Nasi bungkus di negeri ini naik sebanyak 50 sen susulan peningkatan harga beras import termasuk Siam dan kesukaran mendapat beras tempatan yang sedang berlaku ketika ini.

Tinjauan *Sinar Harian* pada Ahad mendapati rata-rata peniaga terpaksa berbuat demikian selepas tidak lagi mampu untuk menanggung kenaikan harga beras termasuklah bahan mentah.

Seorang peniaga nasi berlauk di Kampung Pek, Machang, Ilya Zakaria, 60, berkata, dia terpaksa menaikkan harga sebanyak 50 sen untuk setiap bungkus.

"Sebelum ini saya jual nasi berlauk untuk sarapan pagi dengan harga RM3.50 sebungkus, namun sekarang RM4.

"Walaupun berat hati nak berbuat demikian, namun saya tidak mempunyai pilihan kerana kenaikan harga beras amat memberikan kesan," katanya yang menjual nasi putih bersama lauk seperti ayam gulai, goreng, masak merah, serta ikan gulai dan disertakan dengan timun bersama sambal.

Menurut Ilya, dia terpaksa menggunakan beras import bagi memastikan nasi



Hasnah mengakui kenaikan sebanyak 50 sen itu sudah tidak dapat dielakkan lagi ekoran harga beras Siam yang semakin meningkat.



ILYA ZAKARIA

ROHANA

yang dimasak berada dalam keadaan baik. Tambahnya, kebanyakan pelanggan memahami situasi tersebut dan tidak merungut.

Sementara itu, peniaga nasi bungkus

tengah hari di Selising, Pasir Puteh, Hasnah Abdul Rahman, 50, berkata, kenaikan harga sebanyak 50 sen itu sudah tidak dapat dielakkan lagi.

Jelasnya, selain harga beras, peningkatan kos bahan mentah seperti ikan, ayam, sayuran, minyak masak dan lain-lain menyebabkan peniaga sepertinya turut terkesan.

"Sebelum ini saya jual nasi kosong bersama aneka jenis lauk pauk seperti ayam, ikan, daging goreng yang disertakan bersama timun dan sambal sekitar RM5.50 sebungkus, namun terpaksa dinaikan kepada RM6.

"Beras Siam merupakan bahan utama kerana nasi tidak mudah patah dan lembik. Lagipun pelanggan sudah selesa dengan beras Siam, jika ditukar beras lain

mereka merungut," katanya.

Hasnah memberitahu, ketika ini beras Siam dijual pada harga RM105 bagi 25 kilogram bergantung kepada cap.

Tambahnya, kenaikan harga beras Siam yang tidak menentu itu menyebabkan dia terpaksa mengeluarkan modal lebih.

Beliau berkata, itu belum lagi melibatkan harga ikan, ayam serta sayuran yang sentiasa tidak menentu.

"Kadangkala murah dan mahal. Semua itu kami perlu tanggung," katanya.

Seorang lagi peniaga, Rohana Daud di Labok, Machang, 53, turut mengakui terkesan dengan kenaikan harga beras.

Dia bergantung sepenuhnya kepada beras import dari Thailand untuk memastikan jualan laris kerana penduduk di negeri ini amat menggemari beras Siam.

"Ketika ini harga nasi berlauk di kedai saya dijual pada harga RM3 hingga RM4 bergantung kepada lauk.

"Kami menjual nasi kosong bersama aneka jenis lauk seperti ayam, ikan, daging bersama timun dan sambal," ujarinya.

Sementara itu, Pengerusi Yayasan Pengguna Malaysia Cawangan Kelantan, Kameruzaman Ab Rahman ketika mengulas perkara itu berkata, kerajaan perlu mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan harga beras dengan secepat mungkin bagi memastikan rakyat termasuk para peniaga tidak terus berdepan tekanan.

Menurutnya, pada masa sama pengguna perlu bijak dalam berbelanja bagi mengelakkan mereka terus terbeban.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan kenaikan harga beras Siam adalah disebabkan kejatuhan nilai ringgit di pasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	26

Nasi putih mungkin naik harga kepada RM3 sebungkus

SEREMBAN - Peniaga kedai makan di daerah ini tidak menolak untuk menaikkan harga sebungkus nasi putih kepada RM2.50 berbanding RM2 ketika ini susulan peningkatan harga beras import.

Malah tinjauan *Sinar Harian* mendapati, ada yang menjangkakan harga tersebut akan meningkat sehingga RM3 sekiranya tiada tindakan dilakukan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah terbabit.

Peniaga masakan panas, Zalina Yeon, 62, berkata, buat masa ini dia masih mengekalkan harga sedia ada kerana bimbang pelanggan akan lari.

"Tapi yang saya dengar, ada sesetengah peniaga yang sudah naikkan 50 sen dan saya rasa kalau harga terus macam ini, mungkin akan ada yang jual sebungkus nasi putih jadi RM3," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Menurutnya, bukan saja nasi putih, malah harga menu nasi goreng yang dijualnya juga



ZALINA

kemungkinan terpaksa dinaikkan.

Peniaga, Faridah Timur, 38, juga berdepan rasa resah tetapi memilih untuk tidak menaikkan harga sebungkus nasi putih di kedainya kerana tidak sampai hati.

"Tengoklah macam mana, banyak faktor perlu difikirkan dengan harga kesemua barang mentah yang sudah naik sekarang.

"Saya pun sekarang akan cuba cari beras yang paling murah. Yelah, saya perlu terus berniaga untuk menampung hidup," katanya.

nya.

Peniaga lain, Yusoff Ismail, 63, pula mendakwa kualiti beras import yang ada di pasaran ketika ini didapati tidak begitu baik berbanding sebelum ini.

Bagaimanapun katanya, dia tidak pilihan kerana untuk mendapatkan stok beras tempatan juga agak sukar.

"Kalau dulu lima kilogram beras import saya beli RM13, tapi sekarang RM16. Memang terasa kenaikannya," ujarinya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	26

Peniaga restoran di Kedah turut terkesan kenaikan harga beras

ALOR SETAR - Kenaikan harga beras import di pasaran diakui memberikan kesan kepada kos operasi restoran dan kedai makan di sini yang menggunakan beras jenis tersebut.

Pengarah Restoran Ahmad Foo-Halal Chinese Foodstyle, Ahmad Fuad Marzuki, 34 berkata, kira-kira 120 hingga 160 kilogram (kg) beras import digunakan di enam buah outletnya, setiap hari.

Menurutnya, kenaikan harga beras import sehingga RM38 bagi setiap 10kg beras jelas memberikan kesan kepada kos operasi hariannya, namun dia masih belum membuat keputusan untuk menaikkan harga makanan di restoran tersebut buat masa sekarang.

"Sebelum ini harga bagi 10kg beras import jenama yang selalu kami beli adalah sekitar RM30 sahaja tapi kini telah meningkat ke-

pada RM38.

"Buat masa ini kami masih menyerap kos tersebut dan akan melihat sehingga hujung tahun ini. Jika berlaku kenaikan lagi kami mungkin terpaksa memikirkan kembali sama ada perlu menaikkan harga makanan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Sebagai seorang usahawan, Ahmad Fuad memberitahu, semua kos perlu dilihat dan dinilai oleh beliau dari semasa ke semasa bagi memastikan restoran dan outletnya terus kekal beroperasi termasuk menjaga kebajikan 34 pekerjanya.

Tambah beliau, ada cadangan agar menggantikan beras import dengan beras putih tempatan kerana harganya lebih murah namun kualitinya dilihat akan menjejaskan rasa hidangan makanan disediakan di restoran itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	18



Jalaluddin melepaskan peserta Program Jelajah FitMalaysia2023 Peringkat Negeri Sembilan bertempat di Kelab d'Tempat Bandar Sri Sendayan, Seremban, semalam.

(Foto Azrul Edham/BH)

Negeri Sembilan mahu bina kilang proses beras

Langkah jangka panjang jamin keselamatan makanan masa depan

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Negeri Sembilan rancang bina kilang memproses beras sebagai langkah jangka masa panjang bagi memastikan keselamatan makanan untuk keperluan penduduk negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kemajuan Desa, Perlindungan dan Komoditi, Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup Negeri Sembilan Datuk Seri Jalaluddin Alias, berkata

walaupun masalah kekurangan beras tidak ketara, kepentingan masa hadapan perlu diutamakan.

Untuk itu kerajaan negeri berusaha memperluaskan lagi projek penanaman padi di beberapa daerah seperti di Kuala Pilah, Jelebu, Jempol dan Gemas.

Pulih tanah sawah terbiar

"Negeri Sembilan perlu bina kilang pengeluaran beras sendiri bagi persiapan jangka panjang dari segi kepentingan keselamatan makanan terutama beras.

"Perbincangan sedang dilakukan dengan agensi berkaitan seperti Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Lembaga Pertubuhan Peladang dan agensi di bawah mereka termasuk usaha untuk memulihkan tanah sawah terbiar bagi tanaman padi.

"Matlamat kita untuk tempoh dua hingga ke lima tahun akan datang, Negeri Sembilan mampu

nyai stok makanan terutama beras yang mencukupi bagi keperluan penduduk.

"Walaupun kekurangan bekalan beras di Negeri Sembilan ketika ini tidak begitu ketara, namun kita perlu mengambil langkah proaktif sebagai persiapan jangka panjang," katanya selepas merasmikan Jelajah Fit Malaysia Peringkat Negeri Sembilan 2023 di Kelab d'Tempat Bandar Sri Sendayan di sini, semalam.

Jalaluddin yang juga Ahli Parlimen Jelebu dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pertang berkata, satu jawatankuasa yang dipengeruskannya akan ditubuhkan bagi melaksanakan program jaminan keselamatan makanan negeri.

Beliau berkata, program berkenaan tidak tertumpu kepada keperluan beras semata-mata tetapi juga merangkumi bahan makanan asas lain termasuk minyak, gula, tepung, daging dan ayam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2023	KOSMO	NEGARA	4



JALALUDDIN melakukan *flag-off* acara *Fun Ride* sempena Jelajah Fit Malaysia 2023 di Bandar Sri Sendayan, Seremban semalam.

NS perlu kilang beras sendiri

SEREMBAN – Negeri Sembilan perlu mempunyai kilang pengeluaran beras sendiri sebagai salah satu rancangan jangka masa panjang bagi menangani isu kekurangan bekalan beras tempatan di pasaran.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, ia merupakan langkah yang boleh diambil di peringkat kerajaan negeri selain menggiatkan penanaman padi di beberapa daerah di negeri ini.

“Kita mesti mempunyai rancangan jangka masa panjang, dua ke lima tahun, di Negeri Sembilan harus mempunyai stok makanan yang cukup untuk rakyat.

“Kemungkinan akan dilihat, kita akan ada kilang pengeluaran beras bagi menampung keperluan rakyat di Negeri Sembilan dengan harga sesuai pada keadaan dan waktu itu nanti.

“Pada masa yang sama, program penanaman padi akan digiatkan lagi terutama di daerah Kuala Pilah, Jelebu, Jempol dan juga di Gemas,” katanya.

Beliau yang juga merupakan Exco Kanan Kerajaan Negeri Sembilan berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Pelancaran Jelajah Fit Malaysia 2023 Peringkat Negeri Sembilan di Bandar Sri Sendayan di sini hari ini.

Jalaluddin menambah, menerusi jawatankuasa itu, beliau akan membentangkan rancangan induk itu nanti.

11/9/2023

SINAR
HARIAN

CETUSAN

23

Lembu dalam hidup rakyat Swiss

NOTA
PERANTAU

WAN IZAR HAZAN

Pepatah popular Swiss – *Die Kuh ist das Brot des armen Mannes* bererti 'lembu adalah roti ke-pada si miskin'. Di Switzerland (Swiss), lembu dianggap berjasa mengeluarkan penternak desa daripada kepompong kemiskinan terutama yang berada di lembah gunung Swiss.

Malah, nasib mereka berubah menjadi pedagang yang kaya-raya apabila daging dan produk tenusu mula di-eksport ke negara-negara Eropah mulai kurun ke-18.

Meski menjadi negara 10 terkaya di Eropah, lembu masih begitu penting bagi Swiss hingga hari ini. Ia melambangkan kehidupan mereka yang sederhana dan harmoni bersama alam semula jadi.

Hubungan lembu dan masyarakat Swiss juga unik. Bagi penternak, lembu sudah dianggap seperti ahli keluarga sendiri. Jika berpeluang melewati kawasan perkampungan di lembah per-gunungannya, pasti terlihat rumah desa yang masih kekal seni binanya sehingga hari ini.

Kebanyakan rumah tiga tingkat itu sudah ada sejak sebelum kurun ke-16. Dua tingkat atasnya dibina menggunakan kayu dari gunung berdekatan, manakala tingkat paling bawah dibuat daripada batu sungai dari kawasan setempat.

Menariknya, rumah yang digelar 'chalet' itu bukan sahaja menjadi tempat berteduh keluarga penternak. Ternakan mereka terutama lembu juga tinggal sebulung. Ternakan itu seolah-olah penyelamat mereka ketika musim sejuk.

Haba dibebaskan lembu dan ternakan lain yang tinggal di bawah rumah amat penting untuk menghangatkan seluruh rumah ketika musim sejuk dengan suhu mencecah -8 darjah Celsius.

Lebih menarik, kerana lembu juga, Swiss menjadi negara pertama dunia yang menggubal undang-undang melindungi hak haiwan seawal tahun 1842. Misalnya, seperti juga umat Islam, populasi besar penduduk Swiss berketurunan Yahudi hanya makan daging disembelih mengikut kaedah ditetapkan agamanya.

Pada 1893, beberapa *canton* (negeri) di kawasan pergunungan Swiss mula mengharamkan penyembelihan haiwan ternakan tanpa dibius terlebih dahulu. Bagi penternak lembu yang menganggap ternakannya seperti darah daging sendiri, menyembelih lembu hidup-hidup dianggap amat zalim.

Kini bukan sahaja lembu, Animal Welfare Act Swiss juga melarang penjualan produk kesihatan yang pernah diuji secara klinikal ke atas haiwan makmal.

Meski zaman sudah berubah dan daging serta produk tenusu bukan lagi sumber pendapatan utama negaranya, penternak lembu tak pernah lapuk ditelan zaman. Kini, penternak desa mampu meraih sehingga CHF23 (RM120) sejam.

Tambahan pula, kini mereka turut berpeluang menjana pendapatan jauh lebih besar melalui industri pelancongan. Lembah gunung dahulunya terpencil tak lagi sunyi dengan kehadiran pelancong dari seluruh dunia.

Tak hairanlah apabila generasi muda mereka masih ramai memilih menjadi penternak walaupun itu bermakna mereka terpaksa meninggalkan kehidupan serba moden di bandar.

Cow Festival menjadi acara penting dinantikan rakyat Swiss. Semasa festival berlangsung, kepulauan lembu yang sudah bekerja keras meragut rumput dan herba di kawasan pergunungan Alpine sepanjang musim panas akan diraikan beramai-ramai.

Lembu dipakaikan loceng besar dan dihias bunga indah. Kebanyakan penduduk Swiss pasti mempunyai memori indah zaman kecil menyertai festival tersebut. Mungkin begitu cara mereka

memperkenalkan kepentingan lembu dalam hidup seorang Swiss.

Kisah dari Swiss bukanlah asing bagi kebanyakan negara maju yang masih mengutamakan industri pertanian dan penternakan. Entah mengapa negara kita yang subur dan menghijau serta harga ternakan juga mahal, orang kita tak begitu teruja dengan industri ternakan. Kita memilih bergantung kepada import makanan luar sehingga melangkaui RM75 bilion tahun lalu.

Kebanyakan penternak kita pula generasi tua. Jika pun ada orang muda bekerja di ladang, mereka kebanyakan pendatang asing. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, persepsi yang salah menyebabkan belia kurang minat mencuri bidang tersebut.

Namun, dengan purata pendapatan petani atau penternak yang rendah, tentulah isunya bukan sekadar persepsi salah. Pemerintah nampaknya perlu melakukan sesuatu yang berbeza.

Kita boleh belajar bagaimana Swiss melakukannya. Barangkali kita juga sudah boleh memulakan pesta haiwan ternakan ala-ala Swiss untuk melonjak minat rakyat terutama golongan muda berkecimpung dalam bidang tersebut.

** Wan Izar Haizan ialah pelajar PhD di Centre for Environmental Policy, Imperial College London. Beliau merupakan penulis novel dengan nama pena Michiko Ohara.*

Food security requires national leadership

THE paradox of food security is that only governments can guarantee it, and must entrust markets to deliver the goodwill. The Malaysian government has found it difficult to manage this relationship and must rise to the challenge.

Both imported and domestic rice supplies are currently under stress. During the 2007-08 global food price crisis, Padiberas Nasional Berhad (Bernas) [which oversees all aspects of padi cultivation and the wholesaling and retailing of local rice as well as the importation of rice], escalated Malaysia's position to the point where a government-to-government agreement was required to assure rice supply.

Based on Bernas' recent cost-pass through exercise for imported rice, three areas require scrutiny.

First, whether Thailand and Vietnam's year-end crops will be considerably diminished must be

determined. The same lens applies to Malaysia's largest padi-planted area, Kedah, where harvesting has been delayed from July to August and subsequently to October due to the El Nino weather phenomenon's scorching heat.

Second, the status of Malaysia's total rice production and stocks is crucial. It necessitates frequent updates on seed and input utilisation, padi planting, rice production, inventory and trading stocks, and stockpiles across states.

Third, peculiarities of states warrant tailored treatment. Sabah produced only one-fifth of its rice needs, while Sarawak produced one-third, falling far short of the national average of 63%. While they are the most vulnerable to both rice inflation and shortage, they have the smallest rice stockpile compared with states on the peninsula. Managing rice stability in Sabah

and Sarawak is as critical as managing it on Peninsular Malaysia.

When there is a rice issue, even if it only raises its head, all eyes are drawn to the Federal Government. Its importance in preserving the integrity of rice value chains cannot be overstated. The importance of this issue grows as rice becomes an increasingly valuable food.

As international rice prices are likely to rise further, the main question is whether the Federal Government will act to allow a gradual increase in domestic pricing, giving consumers time to adjust without panic and removing an arbitrage and rent-seeking opportunity for businesses.

The traceability of rice supplies is a guessing game, and by far the most popular theory is that some local rice is mislabelled as high-value imported rice. If adulteration occurs, the Federal

Government's access to and control over rice stocks and distribution is hampered.

The national interest in food security may not be shared by rice enterprises, and it is difficult to predict how the businesses will respond. Any attempt to pre-emptively hoard and/or manipulate stocks will spook the domestic market before external influences take effect.

Food security begins at home. The Malaysian government must demonstrate national leadership to calm an increasingly volatile rice economy.

YEONG SHENG TEY
Serdang
Selangor

The letter writer is a senior researcher at the Institute of Tropical Agriculture and Food Security, Universiti Putra Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2023	THE SUN	NEWS	3

Rice mills plan for Negeri Sembilan

SEREMBAN: There is a need to set up rice mills in Negeri Sembilan to deal with the lack of local rice supply, said state Agriculture, Food Security and Cost of Living Committee chairman Datuk Seri Jalaluddin Alias.

He said the state government needs to step up efforts on the cultivation of padi in districts such as Kuala Pilah, Jelebu, Jempol and also in Gemas as a long-term plan.

"I have asked for more food security programmes especially (involving) rice, and other essential goods such as sugar, cooking oil and others in the next two to five years.

"We need to have sufficient food stocks. Towards that, the state government sees a need for mills to produce rice for the people in the state at a reasonable price," he said at the launch of the Fit Malaysia Tour at Bandar Sri Sendayan yesterday. – Bernama

Headline	Govt urged to assist bird nest association for further development		
MediaTitle	China Press (Melaka)		
Date	11 Sep 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	6,073
Page No	C3	Readership	18,219
Language	Chinese	ArticleSize	938 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,564
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,692



陳瑞民：仍有希望和轉機

冀政府助燕業發展

（馬六甲10日訊）馬來西亞燕窩聯合總會會長陳瑞民指出，儘管燕窩行業有血有淚，但該行業依然有希望和轉機，加上政府推動的政策，方能让大馬燕窩行業繼續百花齊放，更上一層樓。



曾文武：須攜手開創新市場

馬六甲燕窩商會會長曾文武指出，同業必須攜手為燕窩行業打開及創造新市場，勿過於關注某些市場而忽略了其他市場。

他說，為了大馬燕窩行業的發展，必須在大馬推廣及發展強大的燕窩文化，方能自強而將大馬燕窩產品推銷至海外。

他認為本地燕窩感到自豪，並保持產品的高標準和質量，不需要與他國比較，而是創造大馬燕窩的獨特性。

他說，大馬燕窩行業與各協會及醫院緊密合作，交流，造就大馬至今仍然是唯一擁有多項燕窩標準的國家。

他指出，燕窩行業多年來，不斷經歷各種挑戰，造就該燕窩不僅是極具挑戰的行業，也是頗有內涵的行業。

“燕窩同業面帶笑容，但內心其實在嘆氣。無論是‘老鳥’或‘幼鳥’的我們，皆希望得到政府的協助。”

陳瑞民昨晚在2023年馬來西亞燕窩文化美食大賞頒獎典禮上致詞時，如是指出。

他說，前輩們致力成立聯合會，並將大馬燕窩行業規範化，有了前輩的付出換來今時今日業務的合法化，前輩們對該行業的付出，在歷史上無法抹去。

他指出，陳瑞民擔任農業及糧食安全部副部長後，也幫助大馬燕窩行業，將出口的時間和程序縮短。

“有良好政策之際，同業們

吳得賓：可通過美食大賞推廣

馬來西亞燕窩加工公會會長吳得賓說，大會通過馬來西亞燕窩文化美食大賞宣傳燕窩的功效，有助將燕窩推廣至國際舞台，更重營造一溝通過該活動，讓友誼同胞了解燕窩。

他說，儘管燕窩行業有血有淚，依然有機會，尤其農業及糧食安全部副部長陳瑞民上任不久便自動召集燕窩行業會長們，以了解大馬燕窩面對的問題，協助提高燕窩出口競爭力。

吳得賓、陳瑞民及陸宇龍。左起為：吳得賓、曾文武、劉宗良、劉志傑、林朝

2023年馬來西亞燕窩文化美食大賞			
獎項	主題	參賽者	團體或公司
冠軍	凍之花、凍之燕	Lim Wei Wei	婆羅洲天然燕窩
亞軍	夏日沙沙	Juliana Tay and Chai Siew Lee	
季軍	燕島秋潮	Chiam Yoke Lan	雪蘭莪燕窩商會

蔡干根：大馬燕窩全球最優

馬來西亞燕窩產業出口協會會長蔡干根說，燕窩產業擁有悠久歷史和深厚文化傳承，尤其我國自然生態綠色環境為金盞燕的生長提供了理想條件，使大馬的燕窩成為世界上最優質之一。

他說，大馬燕窩不僅是珍貴食材，更是代表大馬的驕傲和傳統。此外，他說，馬來西亞燕窩文化美食大賞不僅是競技賽，更是一次文化交流和共享，讓參賽者通過各自獨特的烹飪技巧，將大馬燕窩呈現在國際舞台上，讓全世界認識、喜愛及認可大馬燕窩產品。

他感謝馬六甲燕窩商會聯合會及所有支持單位，共同推動燕窩產業發展，希望未來能繼續加強合作，推廣和保護大馬寶貴的燕窩資源。



■2023年馬來西亞燕窩文化美食大賞亞軍。



■2023年馬來西亞燕窩文化美食大賞季軍。

陸宇龍：續努力屹立100年不倒

馬來西亞燕窩上下游產業工會會長陸宇龍說，只要同業們繼續努力，大馬燕窩行業在未來100年都會屹立不倒。

他說，同業們必須棄舊迎新，勿在使用老一輩的思想和模式經營燕窩行業。

“大馬燕窩需要更多年輕生力軍，無論企業或公會，都需要更多年輕人參與領導，才能注入更多活力與魅力。”

他說，陳瑞民對大馬燕窩產業力支持，也是他通過的多位正副部長中，第一位主動聯絡燕窩相關公會，以了解該行業面對的問題的一名副部長，作為令人欽佩。

Headline	Bird nest export volume up 75 per cent in 5 years		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	11 Sep 2023	Color	Full Color
Section	KL/Selangor	Circulation	27,667
Page No	A5	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	462 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,811
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,433



副农长：去年达7838公吨

燕窝出口量5年增75%

【马六甲 10 日讯】农业及粮食安全部副部长陈泓谦说，大马燕窝出口量逐年增加，从 2017 年的 379 公吨增至 2022 年的 7838 公吨，增幅 75%。

他希望业者继续提高燕窝产量，而燕窝并非必需品，若要推高价格高昂的燕窝，必须拥有良好的推销技巧。

燕窝美食大赛晚宴

陈泓谦在 2023 年马来西亚燕窝文化美食大赛颁奖晚宴致词，尤其是广大的中国市场，要吸引

中国人品尝我国的燕窝，身为燕窝代言人必须要充满正能量。

他指出，燕窝业者除了保持乐观及正能量，也必须从创意下手，从中杀出血路，该美食大赛也是展示创意的其中一个平台。

“为了推广燕窝的饮食文化，把该美味滋补的食材融入饮食，而且不限于中华美食，过去也有燕窝椰浆饭，业者甚至想融入甜点餐内。”

出席者包括马来西亚燕窝商联合会总会会长陈

瑞民、燕窝加工厂公会会长吴得宾、马来西亚燕窝上下游产业公会总会会长廖智宇龙、马六甲乡村发展、农业及粮食安全事务委员会副主席刘志俊、燕窝产业出口协会会长廖智宇、广东省燕窝产业协会会长张耀华、马六甲燕窝商公会主席兼 MYMBN 公司首席执行官曾文武、马六甲燕窝商公会顾问兼主要赞助商 MYMBN 公司主席刘信良、马六甲中华大会堂有平及马六甲中华总商会理事长张民生。



陈泓谦（左二）移交龙纹燕窝予得标者。

吴得宾冀落实政策 加速正规出口手续

燕窝加工厂公会会长吴得宾说，原本出口燕窝必须经过漫长的程序，现在已缩短一半，希望加速申请正规出口的手续，以便燕窝更快出口到国外。他希望尽快落实政策，加工业坚持把燕窝业

做得更好，带去国际舞台。

让友族了解燕窝

他也表示，通过美食大赛能够把燕窝的功效发扬至国际舞台，甚至让友族更了解燕窝。

陈瑞民盼政府协助 缩短燕窝出口时间

马来西亚燕窝商联合会总会会长陈瑞民希望政府协助燕窝行业缩短出口时间，业者必须寻找机会及团结一致，应付各种挑战。

“燕窝业过去一直经历不同挑战，前辈过去为这个行业的规范化而成立联合会，为燕翅付出努力，才能让燕窝合法化。”